

UPM kenal pasti program kurang kompetitif

Kuala Lumpur: Universiti Putra Malaysia (UPM) sudah mengetahui pasti beberapa program ijazah pertama dan ijazah lanjutan yang kurang kompetitif.

Naib Canselor UPM, Datuk Prof Dr Ahmad Farhan Mohd Sadullah, berkata beberapa program didapati kurang menyerlah dari aspek pemilihan pelajar dan kebolehpasaran, manakala

pentadbiran fakulti diminta melakukan analisis terperinci.

“Semua program di UPM sentiasa ditambah baik supaya relevan dan mempunyai elemen terkini seperti penggunaan teknologi dan kecerdasan buatan (AI),” katanya kepada *BH*.

Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) sebelum ini mengenal pasti program yang per-

lu disemak semula oleh institut pendidikan tinggi (IPT) supaya relevan dengan keadaan semasa.

Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Dr Zambry Abd Kadir, berkata ia berikutan ada beberapa fakulti atau jabatan yang ditubuhkan 20 hingga 30 tahun lalu diwujudkan berdasarkan keperluan pasaran ketika itu.

Mengulas lanjut, Ahmad Farhan berkata, setakat ini Senat UPM belum mencadangkan sebarang penutupan program di peringkat ijazah pertama.

“Ada beberapa program peringkat ijazah tinggi yang mungkin akan ditutup sekiranya prestasi masih tidak memuaskan,” katanya yang enggan mendedahkan program terbabit.